

SAWIT

MPOB MENJANA PERUBAHAN INDUSTRI SAWIT

Terbit pada Sabtu minggu pertama setiap bulan



Malaysia bantah 'Delegated Regulation'

EU MUKA 4

MPOB dekati pelajar, dedah kebaikan sawit

MUKA 8



SAYANGI SAWITKU



Dr Mahathir melancarkan Kempen Sayangi Sawitku di Pulau Carey.

PM lancar kempen Sayangi Sawitku

Minyak sawit produk lima bintang kebanggaan Malaysia di persada dunia

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Pulau Carey

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad melancarkan kempen 'Sayangi Sawitku' atau 'Love MY Palm Oil' anjuran Kementerian Industri Utama (MPI) di Ladang East, Sime Darby Plantation, di sini, baru-baru ini.

Perdana Menteri berkata, fokus utama kempen 'Sayangi Sawitku' yang akan diadakan sepanjang tahun adalah untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai peranan industri minyak sawit kepada sosio-ekonomi negara, serta kebaikan dan kegunaannya dalam kehidupan seharian.

"Langkah ini dilaksanakan memandangkan kesedaran dalam kalangan rakyat Malaysia mengenai peranan minyak sawit adalah agak rendah dan usaha perlu diadakan untuk menyatukan rakyat dalam menangani kempen antiminyak sawit yang dijalankan secara agresif di negara Eropah," katanya.

Katanya, kempen yang dilaksanakan MPI itu akan mendidik rakyat Malaysia mengenai kelebihan minyak sawit dan peranan serta sumbangan penting komoditi itu kepada negara.

"Kita harus berasa bangga dengan minyak sawit dan menghargai sumbangan industri sawit

kepada negara.

"Kempen ini akan menjadi titik tolak kepada memartabatkan produk sawit agar ia akan terus menjadi antara produk terunggul bertaraf 5 bintang kebanggaan Malaysia di persada dunia," katanya.

Sementara itu, Menteri Industri Utama, Teresa Kok berkata antara program yang dilaksanakan dan melibatkan generasi muda adalah seperti Program Duta Pelajar dan program melukis dinding mural informatif sawit.

Katanya, MPI akan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan organisasi lain menarik minat para pelajar sekolah serta mendidik mereka tentang kebaikan minyak sawit melalui aktiviti interaktif.

"Aktiviti ini termasuk demonstrasi masakan yang diusahakan bersama KidZania dan pertandingan masakan EDUPALM yang akan diadakan di beberapa sekolah terpilih.

FAKTA SAWIT

MINYAK SAWIT BAGUS untuk MENGGORENG dan MEMASAK



palmoilpedia

"Aktiviti promosi melalui usaha hasama dengan pasaraya dan kedai runcit akan turut dilaksanakan dan dipertingkatkan bagi memberi kesedaran masyarakat awam terhadap produk sawit," katanya.

Selain itu, usaha sama dengan pengeluar produk berasaskan sawit juga dilaksanakan seperti penggunaan label (pelekat) kempen 'Sayangi Sawitku' bagi meningkatkan kesedaran rakyat tentang produk buatan Malaysia berasaskan minyak sawit dalam kegunaan seharian.

Kempen juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pihak yang

terbabit dalam industri minyak sawit mengenai usaha Kerajaan untuk melestarikan industri minyak sawit, khasnya melalui pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) yang wajib diperolehi oleh setiap penggiat industri termasuk pekebun kecil menjelang 2020.

Yang turut hadir adalah Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar serta lebih 4,000 jemputan terdiri wakil Kerajaan negeri, pegawai kanan Kerajaan, duta negara asing, penggiat industri sawit termasuk pekebun kecil, pelajar dan orang ramai.

Industri sawit yang sudah menjangkau lebih 100 tahun merekodkan pelbagai kejayaan dan sumbangan dalam pertumbuhan ekonomi negara.

Dalam melakar kejayaan demi kejayaan sepanjang tempoh berkenaan, masih ada segelintir golongan mencemburui kejayaan industri sawit negara.

Golongan ini melemparkan pelbagai tohmahan dan tuduhan tidak berasas kerana ingin menjatuhkan imej minyak sawit negara demi kepentingan agenda masing-masing.

Negara maju di Eropah sudah memulakan usaha perundangan untuk menghadkan atau menghentikan penggunaan minyak sawit atas dasar pengeluaran minyak sawit yang tidak mampan dan menyebabkan penyahhutan hutan tropika.

Pada masa sama, pengeluaran produk makanan dan bukan makanan Eropah kini giat memasarkan lebih banyak produk dengan label tanpa minyak sawit atau 'No PalmOil'.

Perkara ini menyebabkan wujud tanggapan negatif terhadap minyak sawit dalam kalangan pengguna di Eropah. Pengguna menganggap minyak sawit tidak baik untuk kesihatan serta merosakkan alam sekitar dan sekali gus menyalahkan Malaysia terhadap kepupusan orang utan.

Lebih malang lagi, tohmahan dan usaha memburukkan minyak sawit oleh pihak di luar negara ini memberi kesan negatif kepada rakyat Malaysia yang turut terpengaruh dengan mesej antiminyak sawit yang disebar melalui pelbagai saluran termasuk media sosial.

Justeru, bagi meningkatkan kesedaran dan menyemai rasa bangga terhadap minyak sawit, Kementerian Industri Utama memulakan kempen secara agresif untuk mendidik rakyat Malaysia mengenai kelebihan minyak sawit dan peranan serta sumbangan penting komoditi ini kepada negara.



MINDA
Datuk Dr Ahmad
Kushairi Din

Ketua Pengarah
MPOB

mampan serta kepelbagaian kegunaan minyak sawit perlu dikongsi dengan masyarakat Malaysia.

Ia bagi memastikan rakyat tidak mudah terpengaruh dengan mesej negatif dan propaganda yang diuar-uarkan selama ini oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Selaras dengan usaha mempertahankan pembangunan sawit dan mengekalkan hutan hujan tropika negara untuk generasi akan datang, semua pihak terutama yang terbabit dalam industri sawit turut diseru melaksanakan program 'Planting for the Future'.

Tanam satu juta anak pokok

Program ini akan membabitkan penanaman satu juta anak pokok spesies hutan di kawasan riparian dan tanah usang (degraded land) yang terpilih di seluruh Malaysia.

Pada masa sama juga, pihak industri digesa memastikan industri sawit dilaksana secara mampan selaras dengan kerangka United Nation Sustainable Development Goals agar alam sekitar terpelihara. Usaha ini akan menutup ruang pihak luar terutama pihak Kesatuan Eropah dan organisasi bukan kerajaan (NGO) untuk mengaitkan minyak sawit dengan penyahhutan dan pemusnahan habitat serta biodiversiti.


Bagi memastikan kelestarian industri sawit, kerajaan kini sedang giat melaksanakan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) yang akan menjadi mandatori menjelang 1 Januari 2020. Pelaksanaan pensijilan MSPO berdasarkan peraturan dan amalan kemampanan memberi manfaat kepada industri sawit.

Pengeluaran minyak sawit secara mampan juga penting untuk menangani cabaran perdagangan minyak sawit global.

Kerajaan sentiasa komited meningkatkan kemajuan industri sawit bagi memastikan perkembangannya terus relevan dan kekal sebagai salah satu sektor utama penjana ekonomi negara.

Oleh itu, semua pihak terbabit terutama pihak industri wajar terus menyokong usaha yang dilaksanakan kerajaan melalui kementerian dan MPOB bagi kesejahteraan industri sawit negara.

kushairi@mpob.gov.my



Dr Mahathir berucap pada pelancaran Kempen Sayangi Sawitku di Pulau Carey.

Kerajaan akan tindak balas diskriminasi EU

➔ Malaysia henti import produk tertentu Eropah jika sekat eksport sawit

Oleh Noor Asmawati
Abdul Samad

watie@mpob.gov.my

Pulau Carey

Kerajaan akan bertindak balas dengan menghentikan pengimportan barang tertentu dari Eropah, sekiranya mereka meneruskan sikap tidak adil dan diskriminasi terhadap minyak sawit Malaysia.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran Kempen Sayangi Sawitku di sini, baru-baru ini.

Dr Mahathir berkata, tindakan itu akan dilakukan kerana Eropah dengan secara tidak adil menyekat kemasukan minyak sawit negara.

Beliau menegaskan, sekatan terhadap minyak sawit dilakukan bagi menjaga kekayaan ekonomi Kesatuan Eropah (EU), sebagaimana negara Eropah menyekat kemasukan teknologi dari China.

"Kita mungkin terpaksa membalas balik. Jika mereka (EU) tidak

membeli minyak kita, kita pun tak payahlah beli barangan mereka (EU)," katanya.

Yang turut hadir, Menteri Industri Utama, Teresa Kok, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar dan Timbalan Menteri Industri Utama, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin.

Tidak dapat bersaing

Beliau berkata, negara Eropah menonjolkan kebimbangan bahawa penanaman kelapa sawit menjejaskan alam sekitar.

"Negara ini sebenarnya lebih prihatin untuk menghasilkan wang. Minyak sawit murah berbanding dengan minyak yang mereka jual seperti minyak kacang soya," katanya.

Beliau berkata, negara Eropah mendakwa minyak sawit tidak baik untuk kesihatan kerana produk bersaing dengan minyak



Kita mungkin terpaksa membalas balik. Jika mereka (EU) tidak membeli minyak kita, kita pun tak payahlah beli barangan mereka (EU)"

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

yang mereka hasilkan.

"Sebenarnya minyak mereka tidak dapat bersaing dengan minyak kelapa sawit kerana kita boleh mendapatkan minyak selama 25 tahun sekali ditanam.

"Tetapi tanaman mereka seperti soya perlu ditanam setiap tahun kerana mereka boleh mendapatkan minyak hanya sekali (setiap tanaman)," kata Dr Mahathir.

Katanya, jika ladang sawit Malaysia ditutup kerana propaganda ini, kira-kira 650,000 orang pekebun kecil akan hilang sumber pendapatan.

Didik dunia

Perdana Menteri juga menambah, Malaysia bukan mahu melancarkan 'perang' terhadap barangan dari Eropah kerana masih ada produk dari kesatuan itu yang perlu dibawa masuk, namun ada beberapa barang tertentu akan dibeli dari negara lain kerana Malaysia mempunyai banyak pilihan.

Sementara itu, Menteri Industri Utama Teresa Kok menyeru rakyat Malaysia untuk bangga dengan minyak sawit keluaran Malaysia.

"Sudah tiba masanya untuk kita mendidik dunia mengenai minyak sawit tetapi sebelum itu, kita perlu mendidik rakyat Malaysia mengenai manfaatnya," katanya.

Kempen Sayangi Sawitku akan dilaksanakan secara agresif untuk mendidik rakyat Malaysia mengenai lebih minyak sawit dan peranan serta sumbangan komoditi ini kepada negara.

MPI, KPDNHEP sasar tingkat penggunaan 10 peratus sawit

➔ Pengeluar produk sawit diseru letak logo Sayangi Sawitku, dapat subsidi

Oleh Siti Nurhajar
Mariam Wan Jaafar

nurhajar@mpob.gov.my

► Bangi

Kementerian Industri Utama (MPI) mensasarkan penggunaan domestik bagi produk sawit dan hiliran berasaskan sawit meningkat sebanyak 10 peratus melalui kempen Sayangi Sawitku.

Menterinya, Teresa Kok berkata, pada masa ini penggunaan produk sawit di dalam negara hanya mencatatkan 20 peratus manakala baki 80 peratus lagi adalah untuk dieksport.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perjumpaan Bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan syarikat di bawah Skim Penstabilan Minyak Masak (COSS) yang diadakan di ibu pejabat Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), di sini baru-baru ini.

Pada sesi soal jawab ketika perjumpaan bersama itu, Teresa menyeru semua pengeluar produk hiliran sawit supaya meletakkan logo kempen Sayangi Sawitku pada label produk mereka sebagai langkah mendidik pengguna mengenai produk bahawa yang diambil mereka itu adalah diperbuat daripada sawit.

Semangat kecintaan

Teresa berkata, sejak melancarkan Sayangi Sawitku, pelbagai aktiviti dan program dilaksanakan bersama rakyat termasuk golongan pelajar sekolah, kolej serta universiti.

“Kempen ini bertujuan memupuk semangat kecintaan dan

kebanggaan terhadap minyak sawit Malaysia serta penghargaan atas sumbangannya kepada ekonomi negara,” katanya.

Pada majlis itu, tayangan beberapa video mengenai kempen anti minyak sawit yang ditularkan oleh badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) barat bagi mengekang penerimaan minyak sawit di negara luar, sekali gus melontarkan impak negatif kepada industri sawit.

Selain itu, Teresa berkata, pelaksanaan mandatori Piawaian Pensijilan Rantaian Bekalan (SCCS) bagi kilang pemprosesan sawit yang terbabit dengan COSS adalah bermula pada 30 Jun ini.

“Bagi kemudahan pemprosesan sawit yang tidak terbabit dengan COSS, mereka perlu mendapatkan pensijilan SCCS sebelum 31 Disember depan,” katanya.

Beri subsidi

Sementara itu, Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, yang turut hadir pada perjumpaan itu berkata, kerajaan



Teresa dan Saifuddin Nasution ketika sidang media selepas mengadakan pertemuan dengan syarikat di bawah COSS di Bangi.

memperuntukkan RM600 juta bagi subsidi minyak masak pada tahun ini.

“Peruntukan ini membabitkan 60,000 tan atau 3.69 peratus minyak masak yang disubsidikan selain membabitkan 280 pembungkus di bawah skim COSS di seluruh negara.

“Kerajaan memberi subsidi kepada mereka sebanyak 60 sen bagi setiap paket minyak masak

satu kilogram berharga RM2.50,” katanya.

Turut hadir dalam majlis itu ialah Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Muez Abdul Aziz; Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) MPI, Ravi Muthayah; TKSU KPDNHEP, Datuk Badrul Hisham Mohd; dan Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir.

Pengamal teknologi MPOB sokong kempen Sayangi Sawitku

Oleh Noor Asmawati
Abdul Samad

watie@mpob.gov.my

Putrajaya: Sebanyak 31 syarikat pengeluar produk berasaskan sawit bersetuju meletakkan pekat, Sayangi Sawitku dan “Love My Palm Oil” pada label produk masing-masing sebagai menyahut Kempen Sayangi Sawitku oleh kerajaan.

Semua syarikat berkenaan adalah usahawan yang mengkomersialkan teknologi hasil penyelidikan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Menteri Industri Utama, Teresa Kok berkata, langkah yang akan dilakukan segera itu dicapai dalam satu pertemuan bersama wakil syarikat terbabit di sini, baru-baru ini.

Pengusaha yang terbabit dalam perniagaan seperti makanan, minuman, kesihatan, kosmetik serta baja pertanian itu akan bertindak selaku duta bagi mempromosi kelebihan minyak sawit berdasarkan kejayaan produk berasaskan sawit yang dikeluarkan dan dipasarkan.

“Mereka juga bersedia untuk terbabit dalam mengadakan taklimat, aktiviti dan program berkaitan di seluruh negara bagi memperkenalkan khasiat serta kelebihan produk yang menggunakan sawit sebagai



Teresa bersama sebahagian pengusaha produk berasaskan Sawit yang menyokong kempen Sayangi Sawitku.

bahan kandungan,” katanya kepada pemberita selepas pertemuan itu, di sini.

Kempen Sayangi Sawitku antara lain bertujuan, memupuk semangat kecintaan dan kebanggaan terhadap minyak sawit serta penghargaan bagi sumbangan komoditi itu kepada ekonomi negara.

Bantu promosi

Teresa berkata, kesediaan pemain

industri untuk terbabit dalam kempen itu secara tidak langsung membantu mempromosikan produk keluaran syarikat berkenaan kepada pengguna, khususnya mereka yang menggemari khasiat minyak sawit.

“Minyak sawit terbukti kaya dengan pelbagai khasiat terutama vitamin E dan A dan adalah bahan asas kepada pembuatan pelbagai produk lain sama ada

produk makanan atau bukan makanan.

Beliau berkata, terdapat lebih 80 peratus produk yang berada di pasaran tempatan dikenal pasti menggunakan minyak sawit sebagai kandungan.

Mengenai kempen di peringkat antarabangsa beliau berkata, akan melawat negara Kesatuan Eropah (EU) sekali lagi pada Mei depan bagi ber-



Mereka juga bersedia untuk terbabit dalam mengadakan taklimat, aktiviti dan program berkaitan di seluruh negara bagi memperkenalkan khasiat serta kelebihan produk yang menggunakan sawit sebagai bahan kandungan”

Teresa Kok,
Menteri Industri Utama

temu pemimpin kerajaan untuk menjelaskan situasi sebenar perusahaannya kelapa sawit di Malaysia.

“Kebanyakan pimpinan kerajaan dan anggota Parlimen EU tidak memahami cara sebenar kelapa sawit ditanam, bagaimana kita menjaga alam sekitar dan sejauh mana kerajaan berusaha ke arah minyak sawit mampan, ini semua akan dijelaskan dalam lawatan itu kelak,” katanya.

Malaysia-China tandatangan urus niaga 1.62 juta tan minyak sawit

➔ Bawa kebaikan kepada industri sawit tempatan, tingkatkan hubungan

Oleh Yoong Jun Hao dan Insyirah Mohamad Shah
jhyoong@mpob.gov.my

► Kuala Lumpur

Empat dokumen urus niaga minyak sawit berjumlah 1.62 juta tan ditandatangani oleh tiga syarikat China dan empat syarikat Malaysia baru-baru ini.

Urus niaga itu dijangka akan meningkatkan eksport minyak sawit dan memanfaatkan ekonomi serta pekebun kecil sawit.

Majlis menandatangani dokumen disaksikan Menteri Industri Utama, Teresa Kok dan Duta Besar China ke Malaysia, Bai Tian diadakan sempena Forum Perniagaan Sawit Malaysia-China anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Majlis Minyak Sawit

Malaysia (MPOC) dan China Chamber of Commerce of Food

stuffs and Native Produce (CFNA) serta disokong Bursa Malaysia Derivatives Sdn Bhd (BMD).

Yang turut hadir adalah Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Tan Sri Datuk Seri Mohd Bakke Salleh, Pengerusi Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Datuk Lee Yeow Chor dan Pengerusi Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia

(MPOCC), Datuk M Nagarajan.

Perjanjian memabitkan syarikat Yantai Tianmao Edible Co., Ltd. China dan Sime Darby Plantation Bhd untuk pembelian stearin sawit berjumlah 100,000 tan.

Dokumen kedua ditandatangani Yihai Kerry (Shanghai) International Trade Co Ltd dan PGEO Marketing Sdn Bhd untuk pembelian 1.3 juta tan olein sawit.

Turut memeterai perjanjian adalah China Yizheng Fangshun Industry Co Ltd dan Cacao Paramount Sdn Bhd (anak syarikat Teck Guan Group) untuk pembelian 120,000 tan stearin sawit, dan perjanjian antara Yizheng Fangshun Industry Co Ltd dengan

SOP Edible Oils Sdn. Bhd. untuk pembelian 100,000 tan olein sawit.

Tingkatkan hubungan

Teresa mengambil peluang menggesa ahli perniagaan China menceburi projek subsektor minyak



Teresa dan Bai Tian menyaksikan acara menandatangani dokumen jual beli minyak sawit antara syarikat Malaysia dan China.

sawit di Malaysia.

“Terdapat banyak peluang pelaburan dalam sektor hiliran minyak sawit yang bernilai tambah seperti oleokimia, farmaseutikal, makanan diproses, produk khusus dan juga produk pengguna.

“Dalam konteks ini, saya ingin menggesa anda semua untuk meneroka bidang kerjasama baharu

dan meningkatkan hubungan perniagaan dalam industri minyak sawit,” katanya ketika berucap merasmikan forum berkenaan.

Sementara itu, Bai Tian berharap lebih banyak kerjasama antara syarikat Malaysia dan China dapat dijalin terutama dalam bidang penyelidikan dan pembangunan industri minyak sawit seperti pemprosesan

bernilai tinggi dan bio bahan api untuk manfaat

kedua-dua negara.

“Saya telah berulang kali menekankan bahawa China tidak mengenakan siling ke atas import sawit Malaysia dan produk berasaskan sawit. Jadi, prospek pasaran China untuk minyak dan produk sawit Malaysia adalah sangat cerah,” katanya.

Malaysia bantah ‘Delegated Regulation’ EU

Oleh Dr Puah Chiew Wei
cwpuah@mpob.gov.my

Brussels, Belgium: Malaysia menyuarakan bantahan keras terhadap peraturan tambahan dan ‘Delegate Regulation’ Kesatuan Eropah mengenai risiko *indirect land use change* (ILUC) bio bahan api dalam Renewable Energy Directive (RED II).

Peraturan itu mencemari imej industri sawit negara sebagai sebuah sektor yang mementingkan aspek kemampanan dalam pembangunan.

Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama (MPI), Datuk Dr Tan Yew Chong yang mengetuai lawatan kerja ke Belgium dan Belanda dari 4 hingga 13 Mac 2019 lalu bagi menyuarakan bantahan di samping memberi penerangan mengenai pembangunan mampan industri sawit negara.

Delegasi Malaysia turut berkongsi usaha dilaksanakan negara dalam memulihara alam sekitar termasuk hutan hujan tropika dan biodiversiti serta pelaksanaan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) mandatori mulai 1 Januari 2020.

Lawatan kerja turut disertai

Duta Besar Malaysia di Brussels, Datuk Hasnudin Hamzah, Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Dr Ahmad Kushairi Din, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Datuk Dr Kalyana Sundram; Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC), Chew Jit Seng, Setiausaha Bahagian Kemajuan Industri Sawit dan Sagu MPI Dr. Sugumari Shanmugam serta pegawai kanan MPI, MPOB dan MPOC.

Sampaikan bantahan

Ketika di Brussels, delegasi Malaysia turut serta dalam ‘Stakeholder Meeting on High and Low ILUC Risk Biofuels under the Recast of the Renewable Energy Directive’.

Peluang ini diambil sepenuhnya untuk menyampaikan bantahan keras Malaysia terhadap peraturan tambahan yang mengkategorikan minyak sawit sebagai bio bahan api berisiko ILUC tinggi dan ini secara tidak langsung menyekat perdagangan bio bahan api berasaskan minyak sawit ke Kesatuan Eropah (European Union - EU).

Malaysia juga memaklumkan analisis menyeluruh ke atas peraturan tambahan dari aspek perundangan, teknikal dan sainti-



Delegasi Malaysia diketuai Dr Tan (tengah) ketika mesyuarat berkaitan risiko ILUC bio bahan api di Brussels.

fik sudah dilaksanakan dan telah mengemukakan hasil analisis kepada pihak Suruhanjaya Eropah (European Commission - EC).

Perbincangan turut diadakan dengan wakil EC yang menjadi salah satu institusi EU yang terlibat dalam penggubalan dasar dan perundangan.

Malaysia menekankan bahawa peraturan tambahan itu digubal berdasarkan fakta yang tidak tepat dan tidak menyeluruh menyebabkan minyak sawit disisih dan dianggap sebagai bahan suap berisiko ILUC tinggi.

Tindakan ini berisiko melanggar peraturan Pertubuhan Perdagangan Dunia (World Trade Organ-

ization - WTO) dan tidak mematuhi prinsip perdagangan bebas.

Usaha berterusan

Pihak Suruhanjaya Eropah bersedia bekerjasama dan mengadakan perbincangan lanjut dengan Malaysia dalam menangani isu itu.

Delegasi Malaysia turut mengadakan lawatan ke Belanda dan mengadakan mesyuarat dengan syarikat swasta negara berkenaan yang menggunakan produk sawit untuk memahami cabaran yang dihadapi serta bertukar pendapat dalam usaha meningkatkan penggunaan minyak sawit di rantau Eropah.

Ini adalah sebahagian usaha

berterusan dalam meningkatkan penggunaan minyak sawit untuk sektor makanan dan bukan makanan.

Ketika di Belanda, delegasi Malaysia turut mengadakan lawatan ke kilang penapisan milik Sime Darby Oils di Zwijndrecht dan Pusat Inovasi Bunge Lodders Crokiaan di Wormeerver di samping membincangkan perkembangan terkini di EU berkaitan industri sawit termasuk isu kemampanan industri sawit dan kontaminan proses iaitu 3-monochloropropane-1,2-diol (3-MCPD).

Ketika di Belanda, delegasi Malaysia juga meninjau kemudahan di Pelabuhan Rotterdam iaitu hub perdagangan penting di EU.

Pelaksanaan MSPO tidak ditangguh

➔ Kerajaan serius, pastikan minyak sawit diiktiraf di pasaran dunia

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

► Sandakan

Kerajaan tidak berhasrat menangguhkan pelaksanaan pensijilan Minyak Sawit Mampam Malaysia (MSPO).

Menteri Industri Utama, Teresa Kok berkata, pensijilan MSPO sangat perlu bagi memastikan minyak sawit negara diiktiraf mampam dan bertaraf lima bintang.

“Sebab itu, kerajaan akan meneruskan pelaksanaan MSPO dengan serius. Jika ditangguhkan, adalah sukar bagi negara untuk memasarkan minyak sawit pada masa akan datang, terutama apabila negara seperti anggota Kesatuan Eropah mengenakan pelbagai sekatan untuk kemasukan minyak sawit Malaysia ke pasaran Eropah,” katanya di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata demikian kepada media selepas melawat kebun sawit Chong Yun Loi yang mendapat sijil MSPO bagi kebun sawit yang diusa-



Teresa ketika lawatan ke kebun sawit milik Chong Yun Loi yang mempunyai sijil MSPO di Sandakan.

hakannya.

Teresa berkata, kebanyakan pekebun kecil sawit menghadapi kesukaran untuk memenuhi keperluan pensijilan dan meminta kerajaan menangguhkan pelaksanaan MSPO sehingga keadaan pasaran bertambah baik.

Tanggung kos audit

Katanya, kerajaan menanggung

kos pengauditan sebanyak RM135 sehektar tanaman sawit bagi memudahkan pekebun kecil mendapatkan sijil MSPO.

“Pada masa ini terdapat kira-kira 650,000 pekebun kecil sawit di seluruh negara yang mengusahakan lebih 38 peratus daripada 5.85 juta hektar tanaman sawit.

“Kerajaan mewajibkan semua pengusaha tanaman sawit ter-

masuk pekebun kecil untuk memperoleh sijil MSPO sehingga 31 Disember 2019,” katanya.

Pensijilan MSPO menggariskan syarat, antaranya amalan pertanian baik (GAP) dalam usaha menjadikan minyak sawit negara sebagai pilihan utama di peringkat antarabangsa.

Sempena lawatan kerja rasmi itu, Teresa yang mengadakan sesi

dialog bersama pekebun kecil sawit di Kota Belud turut menyampaikan sijil MSPO kepada pekebun kecil sawit yang berjaya.

Pada akhir lawatan kerja ke Sabah, Teresa turut berkesempatan menemui Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Mohd Shafie Apdal.

Usaha penghutan semula

Berbincang mengenai usaha mengekalkan kawasan litupan hutan dan menghadkan kawasan tanaman sawit setakat 6.5 juta hektar beliau berkata, kerajaan persekutuan menyatakan sokongan kepada kerajaan negeri Sabah bagi usaha pemulihan dan pemuliharaan spesies yang dilindungi.

Katanya, kerajaan persekutuan akan membantu Sabah dalam usaha penghutan semula dengan menanam satu juta pokok hutan dalam tempoh 10 tahun akan datang.

“MPI dan Jabatan Perhutanan Sabah telah mengenal pasti tapak di pantai timur untuk program penanaman semula hutan.

Kami telah mengenal pasti Lower Kawag di Hutan Simpan Ulu Segama dengan 6,500ha hutan yang terdegradasi sebagai tapak.

Program ini akan ditaja terutamanya oleh pemain industri sawit,” katanya.

Beliau berkata, ini adalah sejajar dengan keputusan kerajaan persekutuan untuk mengharamkan penukaran tanah rizab hutan bagi penanaman sawit serta penanaman sawit di tanah gambut.

Malaysia pastikan kepentingan sawit terjamin di CCFO

Oleh Farah Khuwailah Ahmad Bustamam, Najwa Sulaiman, Yeoh Chee Beng dan Elina Hishamuddin

Kuala Lumpur : Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mewakili Malaysia ke Mesyuarat Jawatankuasa Committee on Fats on Oils (CCFO) Sesi ke-26 Codex peringkat antarabangsa yang berlangsung di sini, baru-baru ini.

Mesyuarat dipengerusikan, Pengerah Kanan Bahagian Keselamatan Makanan dan Kualiti, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Noraini Datuk Mohd Othman.

Lebih 100 delegasi dari 40 negara ahli serta beberapa pertubuhan antarabangsa menghadiri mesyuarat kali ini.

CCFO adalah jawatankuasa di bawah Codex Alimentarius Commission (CAC) iaitu badan di bawah naungan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) dan Pertubuhan

Kesihatan Sedunia (WHO) yang bertanggungjawab menyediakan piawaian antarabangsa bagi minyak dan lemak sayuran, haiwan dan marin termasuk marjerin serta minyak zaitun.

Rujukan seluruh dunia

Piawai ini menjadi rujukan pihak berkuasa seluruh dunia dalam memastikan keselamatan minyak dan lemak dalam perdagangan antarabangsa.

Mesyuarat dirasmikan Menteri Kesihatan Malaysia, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Dalam ucapan, beliau menekankan mengenai kepentingan jawatankuasa Codex dalam melindungi kesihatan manusia dan memastikan amalan perdagangan yang adil serta komitmen Malaysia kepada kerja Codex secara amnya dan CCFO secara khususnya.

Malaysia juga melancarkan satu penerbitan bertajuk, Setitis Minyak, Satu Tan Nilainya yang berkisarkan



Dr Ahmad Parveez bersama delegasi Malaysia yang menghadiri CCFO ke-26 di Kuala Lumpur.

peranan Malaysia dalam mengetuai mesyuarat CCFO sejak mengambil alih peranan ini dari United Kingdom pada 2009.

Dengan peningkatan kesedaran terhadap kesihatan oleh pengguna secara global, keperluan minyak yang lebih sihat turut meningkat.

Ini membawa kepada pengenalan pelbagai variasi baharu kepada komoditi ini dan juga kemajuan teknologi dan inovasi saintifik.

Kemaskini dokumen

Jawatankuasa Codex akan terus menghadapi cabaran dalam pembangunan dokumen standard untuk variasi minyak baru ini, di samping mengemaskini dokumen

standard sedia ada.

Naib Pengerusi Codex CCFO, Dr Purwiyatno Hariyadi turut menekankan kepentingan keselamatan, kualiti dan kesahihan sumber minyak dan lemak bagi semua pihak berkaitan rantai bekalan, bermula dari tanaman di ladang kepada hasil makanan di atas meja.

Pengemaskinian standard Codex dijangka dapat membantu pengguna, pembekal, penjual dan penguatkuasa untuk memastikan kualiti serta keselamatan bagi produk berkenaan.

Tambahnya, melindungi kesihatan pengguna dan memastikan amalan yang adil dalam perdag-

gan makanan adalah sesuatu yang penting untuk dicapai.

Delegasi Malaysia ke mesyuarat CCFO diketuai oleh Timbalan Ketua Pengerah Penyelidikan dan Pembangunan MPOB, Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir bersama 12 delegasi terdiri daripada Pegawai MPOB, KKM, Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dan Persatuan Penapis Minyak Sawit Malaysia (PORAM).

Delegasi Malaysia membawa mandat besar ke mesyuarat itu bagi menjaga dan memastikan kepentingan industri lemak serta minyak negara terjamin, terutamanya isu berkaitan dengan minyak sawit.



Fakta nombor

Purata tambahan pendapatan bulanan

RM875 SEBULAN ternakan kambing baka 'Boer'

RM630 SEBULAN ternakan kambing baka 'Santa Ines'

ARTIKEL TEKNOLOGI

Integrasi kambing, sawit tambah pendapatan pekebun

Integrasi ternakan pastikan ladang sawit dimanfaatkan secara optimum

Oleh Dr Laziana Ahmad
laziana@mpob.gov.my

Integrasi ternakan di kebun sawit adalah salah satu konsep dalam amalan pertanian mampan. Skim integrasi ternakan dalam kebun sawit seliaan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di seluruh Malaysia bukan sahaja membantu menambah pendapatan pekebun sawit, malah menyumbang kepada bekalan daging dalam negara dan mengurangkan daging import.

Selain itu, pengurangan penggunaan baja dan racun rumpai kimia dapat mengurangkan kos penyelenggaraan kebun sawit.

Pembiakan bebiri Santa Ines
Shamsiah Mahidin, 53, mengusahakan integrasi ternakan bebiri baka Santa Ines di kebun sawit beliau yang berkeluasan tiga ekar di Paloh Hinai Mukim Bebar, Pekan, Pahang sejak Disember 2017.

Bermula dengan dua induk jantan dan 20 induk betina yang dibekalkan MPOB, beliau kini mempunyai sebanyak 50 bebiri Santa Ines.

"Daripada 50 ekor ini, saya memiliki 20 jantan dan 30 betina selepas hampir 16 bulan mengusahakan projek ini dan saya sudah mendapat banyak permintaan untuk membeli ternakan saya", katanya.

Selain membekalkan pelepah sawit dan dedak kepada bebiri sebagai makanan, bebiri dibiarkan meragut rumput di kawasan ladang dan ini membantu menjimatkan kos merumpai kebun sawit.

"Banyak keuntungan apabila menjalankan projek ini, selain tidak perlu risau mengenai kos meracun rumpai, najis bebiri boleh digunakan sebagai baja untuk menyuburkan tanah dan ini dapat mengurangkan perbelanjaan untuk menyelenggara kebun sawit.

"Saya mengesyorkan kepada pekebun kecil lain mengusahakan integrasi ternakan untuk menjana pendapatan terutama sewaktu kejatuhan harga sawit.

"Saya juga menerima bantuan benih sawit, baja dan racun dari-



Bebiri baka Santa Ines milik Shamsiah di kebunnya.

pada MPOB ketika memulakan penanaman sawit dan pegawai TUNAS MPOB memberi nasihat dan tunjuk ajar mengenai pengurusan ternakan di kebun sawit," katanya.

Integrasi kambing baka Boer

Pekebun kecil di Mukim Temai, Pekan, Pahang, Mohamad Saudi Musa, 58, memulakan projek integrasi ternakan kambing baka Boer sejak Oktober 2018 di kebun sawit seluas 16 ekar yang diusahakannya sejak lima tahun lalu.

"MPOB membekalkan 22 kambing Boer iaitu dua jantan dan 20 betina dan kini sudah melahirkan dua anak.

Kesemua 24 kambing Boer ditempatkan di kandang yang dibina dalam kebun sawit.

"Selain membekalkan silaj rumput kepada ternakan, kambing turut diberi makan pelepah sawit. Kami sedang belajar proses membuat silaj dari pelepah sawit untuk memastikan semua sumber digunakan dengan sepenuhnya," katanya.

Beliau menyifatkan, projek integrasi ternakan perlu dijalankan oleh pekebun kecil untuk menjamin sumber pendapatan terutamanya pada masa kejatuhan harga sawit.

"Projek integrasi ternakan dapat mengurangkan kos pengurusan sawit. Projek ini juga memberi motivasi kepada pekebun kecil seperti saya untuk lebih komited mengu-

sahakan kebun, ternakan dan seterusnya meningkatkan taraf hidup," katanya.

Kedua-dua pekebun kecil ini adalah ahli Kelompok Minyak Sawit Mampan (SPOC) Pekan/Kuantan dan sudah memperolehi sijil MSPO pada tahun 2018.

Skim Integrasi Ternakan dengan Sawit (ITe)

Di bawah Skim Intensif Integrasi Ternakan dengan Sawit (ITe), MPOB sudah meluluskan sebanyak 219 projek integrasi ternakan. Projek ini terdiri daripada 103 projek ternakan lembu, 80 ternakan kambing dan 36 ternakan bebiri.

Skim ini dilaksanakan sejak 2016 di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11) bertujuan, memastikan tanah ladang sawit dan sumber semula jadi yang terdapat di ladang sawit dimanfaatkan dengan optimum.

Selain menjana pendapatan sampingan dan menggalakkan kegiatan keusahawanan dalam kalangan pekebun kecil sawit.

Di bawah skim ITe ini, MPOB menyediakan dua induk ternakan jantan dan 20 induk betina, membekalkan maklumat serta khidmat nasihat kepada pekebun kecil untuk memastikan pelaksanaan projek integrasi ternakan ini berjaya.

Dana diperuntukkan sudah habis disalurkan kepada pekebun kecil yang layak.



Saya juga menerima bantuan benih sawit, baja dan racun daripada MPOB ketika memulakan penanaman sawit dan pegawai TUNAS MPOB memberi nasihat dan tunjuk ajar mengenai pengurusan ternakan di kebun sawit"

Shamsiah Mahidin,
Pengusaha integrasi ternakan bebiri baka Santa Ines



Projek ini juga memberi motivasi kepada pekebun kecil seperti saya untuk lebih komited mengusahakan kebun, ternakan dan seterusnya meningkatkan taraf hidup"

Mohamad Saudi Musa,
Pekebun kecil

TOT 2019

First Announcement

MPOB

25th MPOB TRANSFER OF TECHNOLOGY SEMINAR & EXHIBITION

TUESDAY, 9 JULY 2019
MPOB HEAD OFFICE, BANGI, SELANGOR

WHAT IS TOT?

It is the transfer of new MPOB R&D findings from bench to the market place. The new technologies and services are offered to the oil palm industry for adoption and commercialisation. TOT seminar contributes towards energising the industry with innovations and opportunities in wealth creation.

TARGET AUDIENCE

- Entrepreneurs
- Small and Medium Scale Entrepreneurs (SMEs)
- Planters, Agriculturists
- Engineering Professionals
- R&D Personnel/ Scientists
- Food Technologists, Chemists
- Millers/ Traders/ Processors
- Manufacturers
- Anyone associated with the palm oil/ oil palm industry

EVENT HIGHLIGHTS

Launch of the new technologies:

- Plantation
 - Biotechnology
 - Milling and Processing
 - Oleochemical
 - Food Technology
- Exhibition on new products and services

Technical enquiries, please contact:

Dr Anis Mokhtar
Tel: 03-8769 4574

Suraya Mohamad
Tel: 03-8769 4579

E-mail: tot@mpob.gov.my



PIPOC 2019

MPOB INTERNATIONAL PALM OIL CONGRESS AND EXHIBITION (PIPOC) 2019

Theme: **BALANCING SUSTAINABILITY PILLARS**

19-21 NOVEMBER 2019

Kuala Lumpur Convention Centre, Kuala Lumpur, Malaysia

Organised by: **Malaysian Palm Oil Board (MPOB)**

6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia

www.mpob.gov.my

Connect with us at
pipoc@mpob.gov.my
pipoc.mpob.gov.my

MPOB-UKM meterai perjanjian penyelidikan fenolik sawit

➔ Lanjutan kolaborasi penyelidikan pra-klinikal sejak 2017

Oleh Dr Syed Fairus Syed Abu Bakar
fairus@mpob.gov.my

► Bangi

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menandatangani memorandum perjanjian (MOA) berkaitan kolaborasi penyelidikan percubaan klinikal bagi mengkaji keberkesanan jus fenolik sawit.

MPOB diwakili Ketua Pengarah, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din manakala UKM diwakili, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Dr Roslee Rajikan.

Perjanjian ini adalah lanjutan kolaborasi penyelidikan pra-klinikal fenolik sawit yang dijalankan bersama oleh penyelidik Kumpulan Fenolik, Unit Metabolik dari Pusat Kemajuan Bioteknologi dan Biabaka (ABBC) MPOB dengan



Datuk Dr Ahmad Kushairi dan Prof. Madya Dr. Roslee bertukar dokumen perjanjian bagi usaha sama penyelidikan antara MPOB dan UKM di Bangi.

penyelidik Jabatan Farmakologi, Fakulti Perubatan UKM pada 2017. Jalanan kerjasama antara ABBC dan Fakulti Perubatan UKM mula dirintis sejak tahun 2012 membatikan penyelidik MPOB dan UKM.

Datuk Dr Ahmad Kushairi Din berkata, kerjasama seperti ini penting dalam menjana data saintifik dan klinikal bagi menangkis dakwaan pihak tertentu yang melobi penggunaan minyak sawit sebagai punca kepada pelbagai masalah penyakit kardiovaskular yang melanda populasi tempatan dan dunia.

“Melalui MOA ini, projek percubaan klinikal fasa satu lanjutan

dan fasa dua dapat dilaksanakan secara sistematik dalam usaha MPOB memperkenalkan jus fenolik sawit sebagai satu lagi produk nutrasetikal yang terhasil dari industri hiliran sawit.

Jana data saintifik

Sementara itu, Prof. Madya Dr Roslee Rajikan mengalu-alukan kolaborasi seperti ini dijalankan di UKM, khususnya bersama Fakulti Perubatan.

Katanya, UKM mempunyai Fakulti Perubatan yang terbaik di Malaysia dan antara yang terbaik di rantau Asia.

“Kepakaran yang ada, disokong

dengan wad penyelidikan klinikal dan makmal dilengkapi instrumen terkini serta kemudahan hospital terdapat di Pusat Perubatan UKM (PPUKM) Cheras.

“Satu lagi kelebihan yang dimiliki oleh PPUKM adalah penyelidikan klinikal berkualiti tinggi dijalankan dengan kos yang lebih rendah berbanding institusi lain yang menawarkan perkhidmatan sama di luar negara,” katanya.

Pemberian geran penyelidikan daripada MPOB sebanyak RM1.56 juta ini juga akan menguntungkan negara dari terbitan hasil penyelidikan yang boleh dibangunkan untuk

kegunaan industri dan rakyat serta pembangunan modal insan terutama bagi melahirkan pelajar pasca siswazah UKM.

Kerjasama ini juga akan menjana data saintifik menerusi penyelidikan fenolik sawit untuk dijadikan bahan kajian peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) disamping meningkatkan kepakaran MPOB dan UKM menerusi hasil perkongsian idea dan ilmu.

UKM turut mencadangkan penubuhan Pusat Kolaborasi Penyelidikan UKM-MPOB, khususnya dalam bidang penyelidikan kesihatan bagi memperkukuh jalinan kerjasama sejak lebih tiga dekad.

MPOB dekati pelajar sekolah, dedah kebaikan sawit

Oleh Siti Nurhajar Mariam Wan Jaafar
nurhajar@mpob.gov.my

Seberang Takir: Bagi meningkatkan kesedaran generasi muda, terutama golongan pelajar, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menganjurkan Program Negaraku Sawitku di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kompleks Seberang Takir (KOMSTAR).

KOMSTAR adalah antara pemenang Pertandingan Mural Sambutan 100 Tahun Industri Sawit di sini, baru-baru ini.

Program lawatan berkenaan merupakan kedua selepas diadakan di SMK Seri Mahawangsa, Jitra hujung tahun lalu.

Dalam program yang berlangsung setengah hari tersebut, MPOB mengadakan pameran dan sesi taklimat bagi memberikan penerangan serta mendidik generasi muda mengenai khasiat minyak sawit dan kepentingan industri sawit kepada negara.

MPOB turut memberi pene-

rangan mengenai peluang mengikuti kursus industri di bawah Kementerian Industri Utama yang disampaikan sendiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif IMPAC, Solah Deraman.

Seramai 300 pelajar dan guru terbabit dalam sesi ceramah serta interaktif bersama MPOB sepanjang program berlangsung.

Pendedahan mengenai industri sawit

Pengetua sekolah berkenaan, Noor Jamalullail Mohd Noor berkata, pelajar di sekolah itu tidak begitu terdedah dengan tanaman sawit kerana sekitar kawasan daerah Seberang Takir merupakan perkampungan nelayan.

“Kami berasa gembira kerana pelajar mendapat pendedahan mengenai industri sawit dan mula memahami isu semasa berkaitan sawit,” katanya.

Selain ceramah dan sesi interaktif, MPOB turut mempamerkan poster serta produk sawit berupa makanan dan bukan makanan sebagai pendedahan kepada warga



Pelajar SMK KOMSTAR mendengar penerangan mengenai produk berasaskan sawit yang dipamerkan sempena program Negaraku Sawitku di Terengganu.

sekolah mengenai kepelbagaian rantaian industri sawit negara.

Rata-rata pelajar teruja ketika mengetahui produk makanan kegemaran mereka mengandungi

minyak sawit.

Pelajar turut berpeluang menyertai pertandingan kuiz yang diadakan di tapak pameran.

MPOB komited menganjurkan

program lawatan dan ceramah ke sekolah di seluruh negara untuk memberi pendedahan yang jelas dan komprehensif mengenai komoditi utama negara.



Kunjungan hormat ANGKASA ke ibu pejabat MPOB di Bangi.

ANGKASA, MPOB perkukuh Koperasi Penanam Sawit Mampan

➔ Tingkat pendapatan, beri kemudahan jualan buah sawit pekebun kecil

Oleh Dr Laziana Ahmad
laziana@mpob.gov.my

Bangi

Lapan delegasi Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) yang diketuai Naib Presiden ANGKASA, Datuk Kamarudin Ismail mengadakan kunjungan ke ibu pejabat, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), di sini, baru-baru ini.

Kunjungan disambut oleh Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir dan Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan), Mohamad Nor Abd Rahman.

Kamarudin dalam ucapannya berkata, ANGKASA turut memperjuangkan isu mengenai minyak sawit antara Malaysia dan Kesatuan Eropah di peringkat antarabangsa melalui International Co-operation Alliance (ICA).

Kemuka cadangan

“ANGKASA sudah mengemukakan cadangan tindakan dalam mesyuarat ICA Global Board dan ICA General Assembly 2018 pada 18 hingga 24 Oktober 2018 di Argentina dan mengesakan agar cadangan itu dikemukakan ICA ke peringkat Kesatuan Eropah,” katanya.

Bersetuju dengan tindakan itu, Dr Parveez berkata, Kesatuan Eropah menekankan minyak sawit dari pelbagai sudut dengan isu yang

silih berganti.

“Terkini, Kesatuan Eropah mengutarakan isu bahan kimia sampingan yang terhasil selepas proses penapisan minyak sawit iaitu 3-monochloropropane-1, 2-diol (3-MCPD) dan menggariskan dua tahap berbeza mengikut jenis minyak dan ini ternyata berat sebelah,” katanya.

“MPOB dan ANGKASA bersedia meningkatkan kolaborasi melalui 55 Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) yang ditubuhkan MPOB sehingga kini.

Galak kuota khas untuk ahli

“MPOB menggalakkan ANGKASA mendapatkan kuota khas untuk ahli koperasi ANGKASA menyertai latihan yang dikelolakan MPOB,”

kata Mohamad Nor.

Mengenai pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) beliau berkata, matlamat pensijilan MSPO adalah demi penjenamaan sawit di peringkat nasional dan antarabangsa.

“Pensijilan MSPO juga penting untuk memastikan semua badan yang terbabit dalam penghasilan minyak sawit mengikut piawaian yang telah ditetapkan.

“Badan yang bertanggungjawab mengenai pensijilan MSPO adalah Majlis Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MPOCC) dan MPOB membantu untuk pelaksanaan MSPO bagi seramai 250,000 pekebun kecil persendirian yang memiliki kebun sawit kurang daripada 40.6 hektar,” katanya.

IMU dalami khasiat minyak sawit

Oleh Nor Asliza Semiran
norasliza@mpob.gov.my

Bukit Jalil: Terdapat ramai dalam kalangan rakyat Malaysia yang menggunakan minyak sawit setiap hari tetapi tidak menyedari manfaat pemakanannya kepada kesihatan dan pelbagai kegunaannya di dalam produk makanan serta bukan makanan.

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk mendidik dan menyalurkan maklumat yang tepat mengenai khasiat pemakanan minyak sawit, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menganjurkan sesi perkongsian ilmu, POB Technical Seminar (MTecS IMU 2019) dengan kerjasama Fakulti Perubatan International Medical University (IMU), di sini, baru-baru.

MTecS yang disertai mahasiswa,

ahli akademik dan kakitangan IMU adalah medium terbaik untuk berkongsi ilmu, di samping menanam rasa bangga dan penghargaan terhadap komoditi terbesar negara serta menyokong industri sawit Malaysia dalam kalangan warga universiti.

Seminar turut dihadiri Naib Cancellor IMU, Prof Abdul Aziz Baba. Selain sesi perkongsian ilmu, beliau turut mengunjungi pameran MPOB yang diadakan sempena seminar berkenaan.

Pembentang di MTecS IMU terdiri pegawai kanan MPOB berkongsi fakta-menarik mengenai minyak sawit seperti kesesuaian minyak sawit dalam penggorengan kerana kestabilan dalam suhu tinggi, kandungan asid lemak seimbang, harga kompetitif kerana bekalan tinggi dan sebagainya.

Pembentang jemputan Pegawai Perubatan, Dr Hafiz Sulaiman



Prof Abdul Aziz Baba mengunjungi pameran MPOB sempena MTecS IMU di Bukit Jalil.

bercakap mengenai pemakanan sihat dan minyak sawit yang kaya dengan vitamin E dan karotenoid serta bebas daripada kolesterol dan asid lemak trans.

Pegawai Kanan Unit Pemakanan MPO, Dr Noor Lida Habi Mat Dian juga menegaskan dalam seminar bahawa rakyat Malaysia perlu merujuk kepada bukti saintifik dan tidak senang terpengaruh dengan maklumat yang salah terutamanya

di media digital dan sosial.

Pihak IMU telah melahirkan rasa berbesar hati dan berharap agar kerjasama dalam penganjuran MTecS IMU ini akan menjadi batu loncatan untuk mengadakan kerjasama dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang yang berkaitan pada masa akan datang.

Hasil kaji selidik yang dijalankan pada MTecS IMU 2019 telah menun-

jukkan bahawa para peserta seminar memperoleh kefahaman yang lebih baik berbanding sebelumnya.

Penganjuran MTecS di universiti tempatan pada tahun 2019 seterusnya akan tertumpu di universiti di Pantai Timur Malaysia sebagai usaha berterusan MPOB dalam menyebarkan maklumat yang tepat dan terkini mengenai kebaikan pemakanan minyak sawit dan R&D industri sawit negara.

MPOC anjur bengkel STEM minyak sawit untuk guru

➔ Bertujuan meningkatkan pengetahuan, pembelajaran guru sains teras dan kimia menengah atas

Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) menganjurkan Bengkel STEM Minyak Sawit Malaysia untuk Guru Sains Teras dan Kimia menengah atas.

Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru dalam topik berkaitan minyak sawit Malaysia untuk pengajaran serta pembelajaran mata pelajaran sains teras dan kimia Tingkatan 5.

Program ini dijalankan dua fasa yang mana pada fasa pertama, 34 jurulatih utama yang terpilih dilatih secara intensif berasaskan modul disediakan oleh MPOC dengan kerjasama Pusat STEM Negara; Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Guru Pelatih dan guru Kimia di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) La Salle, di Petaling Jaya, Cikgu Yasmin Noorul Amin yang juga Guru Ikon Negeri Selangor dan Finalis Hadiah Guru Global pada tahun 2015, untuk 50 guru terbaik di dunia.

Bengkel jurulatih utama diadakan pada 25 hingga 26 Februari 2019, di Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands, Pahang, untuk guru yang dipilih mewakili zon dan daerah di Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor serta Perak.

Beri pengetahuan

Bengkel intensif dua hari itu dihoskan oleh 34 guru dari enam zon di Perak dan Selangor, tiga zon di Kuala Lumpur dan satu dari Pahang dan Putrajaya; serta pegawai dari Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) masing-masing, termasuk dari negeri tuan rumah, Pahang.

Pada fasa dua program ini, jurulatih utama itu akan melatih guru sains teras dan kimia lain dengan pengetahuan yang diperolehi, melalui bengkel diadakan di daerah masing-masing.

Sebanyak 17 bengkel yang memabatkan kira-kira 700 guru sedang

dijalankan bermula dari 9 Mac hingga 2 Mei 2019.

Pelbagai aktiviti di dalam kelas dan berkumpul dijalankan dengan peserta untuk memberi pengetahuan mengenai minyak sawit, termasuk melalui aktiviti dalam kaedah yang tidak konvensional.

Pada akhir setiap aktiviti, peserta perlu mengimbas kod QR dan menjawab soalan berkaitan minyak sawit Malaysia di dalam talian.

Pupuk kemahiran

Pameran mini produk berasaskan sawit dengan maklumat mengenai minyak sawit Malaysia juga diadakan di lokasi bengkel supaya peserta dapat melihat sendiri dan faham mengenai aplikasi minyak sawit dalam pelbagai produk makanan dan bukan makanan.

Sasaran program ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan mengenai minyak sawit Malaysia kepada guru sains teras dan kimia selaras dengan silibus mata pelajaran yang berkaitan di Tingkatan 5 dan seterusnya dapat menyampaikan ilmu berkenaan kepada pelajar.

Program ini diharap dapat memupuk kemahiran menjalankan eksperimen di makmal sains berkaitan dengan minyak sawit, seperti apa yang terangkum di dalam silibus mata pelajaran sains teras dan kimia.


Melalui aktiviti yang dirancang dalam program ini, disasarkan guru akan mengetahui dan memahami dengan lebih lanjut lagi tentang kegunaan minyak sawit, khasiat dan kebaikan minyak sawit Malaysia.

Guru disasar akan mengetahui mengenai peranan nutrisi yang terkandung di dalam minyak sawit kepada kesihatan dan dapat memanfaatkan ilmu yang dipelajari dengan menyebarkannya kepada murid, ahli keluarga, rakan serta ahli komuniti.

Ini sejajar dengan Kempen Sayangi Sawitku yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad pada 24 Mac 2019.



M P O C



Salah satu aktiviti amali yang dijalankan ialah pembuatan sabun lutsinar yang merupakan antara aktiviti yang paling digemari oleh peserta bengkel.

Khasiat & Kebaikan Minyak Sawit Malaysia



SAYANGI SAWITKU
Produk Malaysia 5★

Pro-Vitamin A dalam minyak sawit merah Malaysia adalah nutrisi yang penting buat kanak-kanak.

- Menyokong kesihatan mata
- Menyokong tumbesaran dan perkembangan kanak-kanak
- Menyokong fungsi-fungsi imun

Vitamin E tokotrienol yang berasaskan sawit baik untuk kesihatan jantung dan otak.

Makanan "Superfood"

Minyak Sawit Merah Malaysia

DIHASILKAN MENERUSI TEKNOLOGI PENAPISAN KHAS BAGI MENGEKALKAN PRO-VITAMIN A KAROTENOID DAN VITAMIN E TOKOTRIENOL

Minyak Sawit Merah

adalah satu-satunya minyak sayuran komersil di dunia yang kaya dengan karotin.

ANTIOKSIDAN

dalam minyak sawit Malaysia membantu melambatkan proses penuaan.

Minyak sawit Malaysia adalah bebas daripada lemak trans.

Lemak trans yang tidak sihat mengakibatkan pertumbuhan sel kanser, diabetes jenis 2, obesiti dan penyakit jantung.

MINYAK SAWIT MALAYSIA MERUPAKAN SUMBER PRO-VITAMIN A KAROTENOID.

15 KALI GANDA LEBIH BANYAK DARIPADA LOBAK

50 KALI GANDA LEBIH BANYAK DARIPADA TOMATO

Kajian telah membuktikan olein sawit dapat mengurangkan tahap kolesterol darah setara minyak zaitun.

MINYAK SAWIT MALAYSIA bebas dari lemak trans

Minyak sawit Malaysia memiliki unsur separa pepejal. Ia tidak memerlukan proses penghidrogenan.

Kempen antiminyak sawit kurangkan permintaan

U mum mengetahui, industri sawit sudah banyak memberi sumbangan kepada negara kita. Pada 2017 sahaja, industri eksport sawit menyumbang pendapatan sebanyak RM77.8 bilion, iaitu menyamai 4.8 peratus daripada KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar).

Kini, walaupun pelbagai cabaran terpaksa ditempuhi, industri sawit masih kekal menjadi industri paling relevan dalam memberi sumbangan kepada negara kita sepanjang masa.

Namun, sejak kebelakangan ini industri sawit sedang diuji dengan kewujudan kempen antiminyak sawit. Perkara ini benar apabila Kesatuan Eropah (EU) meniadakan kemasukan bio bahan api sawit ke negara mereka.

Pengubalan Resolusi Antiminyak Sawit oleh Jawatankuasa Parlimen Eropah (ENVI) juga diluluskan pada 23 Oktober 2017 yang menyaksikan, ia secara jelas memburukkan lagi industri sawit negara kita.

Ternyata, kempen antiminyak sawit mengakibatkan pengurangan kepada permintaan eksport sawit selain memberi impak negatif kepada sebahagian besar rakyat Malaysia.

Bahkan, turut memberi kesan kepada kualiti kehidupan pekebun kecil (kini mencecah 650,000 orang) kerana ia mengurangkan hasil pendapatan rakyat dan seterusnya KDNK negara kemudian hari.

Kita perlu proaktif dalam mengatasi masalah ini daripada terus merebak kemudian hari. Antara langkah menangkis cabaran ini ialah mengemukakan bantahan secara komprehensif kepada



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 1 - PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Nur Azwani Fauzi
SMK Kompleks Padang Jambu, Kuala Dungun, Terengganu

pihak terbabit.

Daripada situ, lahirlah gerakan yang dinamakan, 'Faces of Palm Oil'. Gerakan ini merencanakan beberapa siri debat mengenai perbincangan sekatan kempen antiminyak sawit sehingga menyaksikan seramai 320,047 pekebun kecil menandatangani petyisyen membantah kempen itu. Petyisyen bantahan ini sudah diserahkan secara rasmi menerusi wakilnya seramai 2000 orang.

Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) turut sama berganding bahu melancarkan bantahan terhadap Resolusi Antiminyak Sawit.

Tindakan ini sewajarnya dipuji kerana dengan cara ini kita dapat menjawab tuduhan dan serangan ENVI serta EU terhadap minyak sawit keluaran negara.

Bantahan ini sekali gus akan memastikan persaingan kebolehpasaran yang sihat dan permintaan seimbang, khasnya industri minyak sawit

negara di peringkat global.

Kerajaan juga wajar menangkis impak kempen antiminyak sawit dengan menguatkuasakan akta dan peraturan pensijilan minyak sawit secara mampan di peringkat negara.

Ini wajar diimplementasikan kepada semua pemain industri sawit negara dengan cara mematuhi arahan yang dikeluarkan pihak kerajaan dari semasa ke semasa.

Hal ini penting supaya agenda Ahli Parlimen Eropah (MEP) yang mahukan 'tiada penyahhutanan dan perubahan penggunaan hutan secara langsung (ILUC)' tidak lagi menjadi cabaran yang harus digeruni, sebaliknya menjadi sumber kekuatan untuk kita bersama-sama berusaha menstabilkan permintaan minyak sawit khususnya di peringkat antarabangsa.

Kementerian Industri Utama (MPI) sudah menasaskan 5.8 juta hektar kawasan tanaman sawit di Malaysia hari ini wajib memiliki pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) selewat-lewatnya menjelang akhir tahun 2019.

Tujuannya agar minyak sawit Malaysia terus relevan menembusi pasaran dunia bahkan mampu menangkis perspektif buruk yang didatangkan menerusi kempen antiminyak sawit ini.

Kerajaan juga sewajarnya mengambil peluang bijak mempromosikan manfaat minyak sawit keluaran negara di peringkat dunia.

Antara platform menyampaikan maklumat adalah seperti dalam persidangan minyak sawit dalam dan luar negara serta forum dan sesi dialog antara pemain industri sawit.

Kerjasama negara pengeluar sawit tingkat permintaan, stabilkan harga

Kerjasama antara negara pengeluar sawit akan tingkat permintaan dan stabilkan harga sawit.

Badan bukan kerajaan (NGO) membuat tohmahan kononnya industri sawit memusnahkan alam sekitar dengan menebang hutan untuk menanam sawit.

Negara kesatuan Eropah (EU) pula mendiskriminasi minyak sawit dengan pelbagai alasan manakala negara pengeluar sawit dunia bersaing sesama sendiri bagi merebut pasaran di negara pengimport yang sama. Akibatnya, permintaan terjejas dan harga sawit turun dengan ketara.

Persaingan minyak sawit dengan minyak sayuran dan lemak lain dunia akan berterusan pada masa akan datang.

Dari segi penghasilan, minyak kacang soya berjumlah 31.4 juta tan (38.5%) hanya berbeza 3.3% dengan keluaran minyak sawit berjumlah 28.7 juta tan (35.2%).

Pengeluaran minyak biji sesawi dan bunga matahari pula masing-masing 12.5 juta tan (15.3%) dan 9 juta tan (11%).

Senario ini memberikan kelebihan kepada minyak sawit, malah lebih strategik sekiranya negara pengeluar minyak sawit dapat mengurangkan jurang perbezaan dan merapatkan persefahaman bagi mempertingkatkan kedudukan industri sawit dari pesaing minyak sayuran dan lemak lain dunia.

Persaingan dalam kalangan negara pengeluar sawit bukanlah langkah terbaik bagi menentang diskriminasi oleh EU terhadap minyak sawit.

Malaysia sebagai negara



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 2 - AWAM

Mohd Zabidi Nordin
Batu Kurau, Perak

kerjasama dalam kalangan negara ahli.

CPOPC juga akan membangun dan mewujudkan prinsip rangka kerja global bagi minyak sawit mampan, mempromosi kerjasama dan pelaburan dalam membangunkan zon industri sawit mampan dan mesra alam, serta menangani halangan perdagangan terhadap minyak sawit di pasaran dunia.

Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO) meluaskan inisiatif kerjasamanegara pengeluar minyak sawit dengan negara pengimport dan NGO yang berpengaruh.

Melalui rundingan ini, pengguna, kumpulan pencinta alam sekitar dan syarikat tanaman sawit mempromosikan penggunaan produk minyak sawit yang disahkan lestari serta disokong banyak pembeli utama minyak sawit di Eropah.

Hasil rundingan itu Belgium, Denmark, Perancis, Jerman, Belanda dan Britain sudah mencapai atau dalam proses melaksanakan komitmen untuk menggunakan minyak sawit disahkan 100% lestari sebelum 2020.

Eropah adalah pasaran kedua terbesar selepas India bagi Malaysia dan Indonesia. Timbalan Menteri Penyelaras Makanan dan Pertanian Indonesia, Musdhalifah Mahmud berkata, Indonesia dan Malaysia wajar menunjukkan usaha bersama dalam setiap langkah bagi berdepan tentangan negara Eropah, yang semakin lan- tang menyuarakan pandangan mengenai industri sawit di rantau ini.

pengeluar sawit berpegang kepada prinsip bekerjasama dengan mana-mana negara, terutama Indonesia yang turut menjadi pengeluar utama minyak sawit dunia. Malaysia mengilhamkan permuafakatan dan kerjasama erat dengan Indonesia untuk menstabilkan harga memperkukuhkan harga minyak sawit bagi memastikan industri ini terus berkembang maju.

Malaysia dan Indonesia mempelopori penubuhan Majlis Negara-Negara Pengeluar Minyak Sawit atau Council of Palm Oil Producing Countries (CPOPC). Program kerjasama telah dimeterai secara rasmi pada 21 November 2015 di Kuala Lumpur dan menempatkan sekretariat CPOPC di Jakarta, Indonesia.

Keahlian CPOPC dibuka kepada negara pengeluar minyak sawit dunia atas dasar 'inclusiveness'. Penubuhan CPOPC ini bertujuan menggalak, membangun dan memperkukuhkan

PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT BULAN APRIL 2019

Peraduan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah menengah dan awam di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Kategori 1:
Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5)
Tajuk: 'Khasiat minyak sawit tiadaandingannya. Bincangkan'.

Tiga pemenang utama setiap kategori akan menerima;
 © Hadiah Pertama: **RM250**
 © Hadiah Kedua: **RM200**
 © Hadiah Ketiga: **RM150**

Kategori 2: Awam
Tajuk: 'Kempen Sayangi Sawitku, didik masyarakat harga minyak sawit Malaysia. Bincangkan'.

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam *Berita Sawit* keluaran bulan MEI 2019.

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Mac 2019

PEMENANG KATEGORI 1
Pelajar Sekolah Menengah

Hadiah Pertama
Nur Azwani Fauzi
SMK Kompleks Padang Jambu
Kuala Dungun, Terengganu

Hadiah Kedua
Nurul Anis Fariza Abu Osman
SMA Syubbaniah,
Batu Kurau, Perak

Hadiah Ketiga
Muhammad Faris Hakimi
SMA Syubbaniah,
Batu Kurau, Perak

PEMENANG KATEGORI 2
Awam

Hadiah Pertama
Mohd Zabidi Nordin
Batu Kurau, Perak

Hadiah Kedua
Shamsun Nisha
Shahul Hamid
Subang Jaya, Selangor

Hadiah Ketiga
Nur Idayu Mahdi
Sik, Kedah

Syarat Penyertaan

- © **Kategori 1:** Terbuka kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5
- © **Kategori 2:** Terbuka kepada dewasa berusia 18 tahun ke atas.
- © Bukan kakitangan MPOB.
- © Panjang esei di antara 500 - 700 patah perkataan
- © Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah (Kategori 1 sahaja), alamat rumah, email (jika ada), nombor kad pengenalan, nombor telefon, nombor akaun bank/nama bank dan sekeping gambar ukuran pasport.
- © Keputusan juri adalah muktamad.
- © Tarikh tutup penyertaan ialah pada 22 April 2019.
- © Hantarkan penyertaan ke alamat:
Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit, Ibu Pejabat MPOB 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)
Emel: watie@mpob.gov.my



Menteri Industri Utama, Teresa Kok bersama Timbalannya, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin (tiga dari kiri) dan Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr Ismail Bakar (lima dari kiri) menunjukkan logo Sayangi Sawitku ketika pelancaran kempen di Pulau Carey, Selangor.



Teresa Kok dan Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin melawat pameran produk sawit sempena pelancaran kempen Sayangi Sawitku.



Menteri Industri Utama Teresa Kok bersama pekebun kecil yang menerima sijil Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) di Kota Belud, Sabah.



Sebahagian pengusaha dan pengeluar produk berasaskan sawit bersama Menteri Industri Utama, Teresa Kok pada sidang media di Putrajaya.



Menteri Industri Utama, Teresa Kok dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Saifuddin Nasution Ismail bersama syarikat di bawah Skim Penstabilan Minyak Masak (COSS) yang diadakan di Ibu Pejabat Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di Bangi.